



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

2024

# RONA TINTA

e-BULETIN  
EDISI  
2024

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU



CHIEF EDITOR  
**SYAZLIANA KASIM**

EDITORS  
**FARRAH OTHMAN**  
**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI**  
**SHAHRUL AMRI AB WAHAB**  
**DR. HAFIZ ALI, M.**

eISSN 2785-9126



9 772 785 912 007





# **5 LANGKAH PERANAN IBU BAPA DALAM MEMUPUK AMALAN MEMBACA DI KALANGAN ANAK- ANAK**

**NOR'AZURAH MD KAMDARI, FARRAH  
OTHMAN & SHARFIZIE MOHD SHARIP**

Apakah amalan membaca? Definisi amalan membaca adalah menjadi kebiasaan atau tabiat membaca seseorang yang dilakukan secara konsisten dan berterusan. Ianya boleh dilakukan dengan membaca setiap hari, walaupun hanya sebentar. Amalan ini akan membantu mengukuhkan tabiat membaca dan meningkatkan kemahiran membaca. Selain itu juga, membaca pelbagai jenis bahan bacaan, seperti buku, majalah, surat khabar, dan artikel dalam talian juga turut dapat meningkatkan pengetahuan dan juga sudut pandang. Aktiviti membaca membantu meningkatkan kemahiran bahasa, termasuk penguasaan kosa kata dan tatabahasa. Ini penting untuk komunikasi yang lebih baik dan dapat membantu individu dalam menulis dengan lebih efektif.

Aktiviti membaca mendorong individu untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Dengan menganalisis teks dan memahami berbagai perspektif, pembaca dapat mengembangkan kemampuan untuk berfikir secara mendalam dan membuat keputusan yang lebih baik. Membaca dengan tujuan yang jelas, seperti menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan mencari maklumat tertentu, akan membantu meningkatkan kefahaman dan ingatan. Membincangkan apa yang dibaca dengan orang lain, seperti rakan atau keluarga, dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan memperluas perspektif.



Gambar 1: Membaca amalan mulia

Peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam mempengaruhi amalan membaca dikalangan anak-anak. Pertama, ibu bapa perlu menjadi teladan dengan membaca secara aktif di hadapan anak-anak. Sekiranya anak-anak melihat ibu bapa aktif dalam aktiviti membaca ianya akan mendorong anak-anak mereka untuk meniru dan menyamai amalan tersebut. Kedua, ibu bapa perlu menyediakan pelbagai jenis bahan bacaan di rumah, seperti buku, majalah, surat khabar, dan komik. Penyediaan pelbagai jenis bahan bacaan akan memudahkan anak-anak menemui minat dan kecenderungan bahan bacaan yang sesuai dengan minat mereka. Ketiga, bagi memupuk anak-anak yang masih kecil, ibu bapa juga perlu meluangkan masa untuk membaca bersama anak-anak setiap hari. Aktiviti membaca yang menyeronokkan, seperti membaca cerita sebelum tidur, dapat memupuk minat anak-anak dalam membaca.

Selain beraktiviti membaca di rumah, ibu bapa juga boleh membawa anak-anak ke perpustakaan atau pameran buku untuk mendedahkan mereka kepada pelbagai jenis buku dan aktiviti menarik. Langkah ini dapat membantu meningkatkan minat anak-anak dalam membaca. Akhir sekali ibu bapa perlu memberi dorongan dan pujian kepada anak-anak yang membaca. Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan anak-anak dan memperkukuhkan minat mereka dalam membaca. Dengan menerapkan peranan ini, ibu

bapa dapat memupuk minat membaca yang kuat dalam kalangan anak-anak, yang akan membawa manfaat jangka panjang dalam perkembangan intelektual dan akademik mereka.

### **Rujukan**

Amalan Membaca Dalam Kalangan Masyarakat - Bumi Gemilang Faedah Membaca - Isi Penting & Contoh Karangan (ecentral.my)

Peranan Ibu Bapa Memupuk Amalan Membaca Dalam Diri Anak-Anak (ipendidikan.my)

Peranan Ibu Bapa dalam Memupuk Amalan Membaca dalam Kalangan Anak-Anak (teks.my)

Laman Blog Cikgu Tan Cl: Peranan Ibu Bapa Menggalakkan Anak-Anak Membaca Buku - Karangan Tulisan Murid Bernama Ng Shi Huey

Peranan Ibu Bapa untuk Memupuk Minat Membaca kepada Anak-Anak (Karangan Panjang SPM) – Miss Woodley (home.blog)